

09 SEP 2001

SEA-Makan Malam

PERDANA MENTERI ADAKAN JAMUAN SEMPENA SUKAN SEA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan majlis makan malam bersempena dengan Sukan SEA ke-21 yang sedang berlangsung di negara ini.

Dr Mahathir, ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menjadi tuan rumah kepada orang-orang kenamaan, pegawai dan atlet dari 10 buah negara yang mengambil bahagiann dalam Temasya Sukan SEA pertama alaf ini.

Antara tetamu kehormat ialah putera Sultan Brunei, Putera Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah dan Jose Miguel Arroyo, suami Presiden Gloria Macapagal Arroyo dari Filipina.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, menteri-menteri Kabinet, Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tunku Imran Tuanku Ja'afar serta anggota-anggota Persekutuan Sukan SEA dan Ketua Kontinjen negara-negara yang mengambil bahagian juga hadir pada majlis itu.

Para tetamu dihiburkan dengan persembahan penyanyi Aishah, Kombo Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur serta Kumpulan Kebudayaan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AR SP